**AKHBAR** : **SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT** : **9**
**RUANGAN** : **-**

# Kesihatan rakyat keutamaan paling tinggi kerajaan



DR ADHAM

**PUTRAJAYA -** Kerajaan meletakkan kesihatan rakyat sebagai keutamaan paling tinggi dalam pengumuman Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (Permai).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, menerusi Permai juga, kerajaan mempunyai sumber mencukupi untuk memastikan sistem kesihatan awam akan terus berkhidmat kepada rakyat bagi memerangi pandemik Covid-19.

"Semasa pengumuman tersebut, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diberikan peruntukan RM800 juta bagi keperluan petugas barisan hadapan yang melibatkan perolehan kelengkapan perlindungan diri (PPE), reagen, kit saringan, cecair pembasmi kuman dan bahan guna habis (*consumable*)," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Isnin.

Menurutnya, KKM juga telah diperuntukkan sebanyak RM3 bilion untuk penyediaan vaksin Covid-19 dengan pelan vaksinasi yang dijangka bermula selewat-lewatnya pada bulan Mac depan.

"Kerajaan begitu prihatin dengan pertambahan beban tugas sedia ada barisan hadapan KKM, justeru itu sebanyak 3,500 kakitangan bertaraf kontrak akan diambil pada hujung bulan Januari 2021," katanya.